

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

HSM 211 Sejarah Sosio-Ekonomi Malaysia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan. DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Jawab DUA[2] soalan.

1. Sejauh manakah perubahan perdagangan di Semenanjung Tanah Melayu disebabkan oleh kegiatan perdagangan orang Portugis antara 1511 dan 1640?
2. "Pertumbuhan pantas perdagangan di kepulauan yang dirangsang oleh peningkatan dalam perdagangan antara China dan Eropah telah membantu Semenanjung Tanah Melayu untuk pulih dengan cepat daripada 'krisis umum' abad 17". Bahaskan kenyataan ini dengan merujuk kepada bukti-bukti yang berkaitan.
3. "Pertambahan kegiatan perlanunan di kepulauan Melayu selepas 1780 bukan disebabkan oleh pembawaan semulajadi orang Melayu, tetapi disebabkan perubahan ekonomi dan politik". Apakah anda menerima atau menolak pandangan itu? Nyatakan alasan anda.
4. "Pengaruh kongsi gelap di dalam kehidupan buruh sangat kuat daripada pekerjaan hingga kepada makanan, tempat tinggal, waktu bersuka-suka, mahupun seks" (Tan Pek Leng, "Chinese secret societies and labour control in the nineteenth century Straits Settlements", Kajian Malaysia, jilid 1, no. 1, 1983, hal. 23). Bincangkan bagaimana kongsi gelap memainkan peranan yang utama di dalam ekonomi dan faktor-faktor yang menyebabkan kemerosotan dan mengapa ia dihapuskan selepas 1880.

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan.

5. Terangkan bagaimana pertumbuhan perlombongan dan pertanian komersial telah mempercepatkan pertumbuhan penduduk dan pengembangan 'sempadan tempatan' di Tanah Melayu selepas 1870.
6. Bincangkan perubahan sosio-ekonomi di dalam ekonomi petani Melayu di antara 1870 dan 1914.
7. "Pemberontakan Tok Janggut 1915 dan pemberontakan Trengganu 1928 tidak mungkin berlaku jika sekiranya elit pemerintah tempatan tidak diganggu oleh pembaharuan-pembaharuan yang bawa oleh pemerintah kolonial". Sejauh manakah pandangan ini tepat?
8. Bagaimanakah elit lama pemerintah menyesuaikan diri dan elit baru berkembang di dalam suasana sosio-ekonomi yang berubah di bawah pemerintahan kolonial?

-ooo000ooo-